



Faculty of Applied and Creative Arts

**MELESTARIKAN WARISAN DAN BUDAYA MASYARAKAT
JAWA DI JOHOR OLEH YAYASAN WARISAN JOHOR
SEJAK PENUBUHAN PADA TAHUN 1988**

**Siti Nurul Syuhada Binti Md Noor
44190**

**Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)**

2016

**MELESTARIKAN WARISAN DAN BUDAYA MASYARAKAT JAWA DI JOHOR
OLEH YAYASAN WARISAN JOHOR SEJAK PENUBUHAN PADA TAHUN 1988**

SITI NURUL SYUHADA BINTI MD NOOR

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the.....day of.....2016.

Student's Declaration:

SITI NURUL SYUHADA BINTI MD NOOR, 44190

I.....hereby declare that the work entitled.....

MELESTARIKAN WARISAN DAN BUDAYA MASYARAKAT JAWA DI JOHOR OLEH

YAYASAN WARISAN JOHOR SEJAK PENUBUHAN 1988

.....is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

SITI NURUL SYUHADA BT MD NOOR (44190)

Date submitted

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

PUAN RAHAH HAJI HASAN

I..... hereby certifies that

the work entitle.....

MELESTARIKAN WARISAN DAN BUDAYA MASYARAKAT JAWA DI JOHOR OLEH

YAYASAN WARISAN JOHOR SEJAK PENUBUHAN 1988

..... was prepared by the above named student, and

was submitted to the "FACULTY" as a * partial/ full fulfillment for the conferment

of..... and the

forementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

PUAN RAHAH HAJI HASAN

Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____

Supervisor signature: _____

Current Address:

**02-3F JLN SR 2/1 TMN SERDANG RAYA,
SEKSYEN 2,
43300, SERI KEMBANGAN,
SELANGOR.**

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk “**Melestarikan Warisan Dan Budaya Masyarakat Jawa Di Johor Oleh Yayasan Warisan Johor Sejak Penubuhan Pada Tahun 1988**” telah disediakan oleh **Siti Nurul Syuhada Binti Md Noor** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Rahah Haji Hasan)

Tarikh: _____

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang di pameran dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,

(SITI NURUL SYUHADA BT MD NOOR)

44190

Program Pengurusan Seni

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaannya saya dapat menyiapkan Projek Tahun Akhir ini. Pertama kali saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat kedua ibu bapa dan keluarga saya di atas segala pengorbanan, dorongan, dan sokongan yang telah diberikan selama saya belajar dari sekolah rendah hinggalah ke peringkat universiti sekarang ini. Sesungguhnya terlalu besar jasa dan pengorbanan kalian terhadap diri saya.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek, Puan. Rahah binti Haji Hassan atas segala bimbingan, tunjuk ajar, idea, pendapat, pandangan serta nasihat yang telah diberikan sepanjang saya menjalankan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada semua pensyarah di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif di atas segala ilmu yang telah dicurahkan, bimbingan serta nasihat yang telah diberikan. Segala ilmu dan nasihat akan sentiasa tersemat di hati.

Seterusnya, terima kasih juga buat responden yang terdiri daripada pekerja Yayasan Warisan Johor kerana memberi kerjasama dan sekalung ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana sudi meluangkan masa untuk membantu bagi menjawab persoalan yang

telah diajukan semasa temu bual dijalankan, saya juga mengucapkan selamat berjaya kepada semua di dunia dan akhirat,

Akhir sekali, tidak lupa pada sahabat-sahabat yang banyak membantu dalam menyiapkan projek ini terutamanya Nur Hidayah Binti Ghazali, kerana sudi menemani diri ini ketika susah dan senang termasuklah membantu saya ketika projek ini sedang dijalankan. Tidak dilupakan kepada sahabat karib saya yang sentiasa berjuang bersama-sama saya untuk memastikan kualiti kajian ini dapat dihasilkan. Hanya Allah S.W.T yang mampu membalas jasa baik kalian. Kenangan bersama kalian akan sentiasa terpahat di hati. Sekian wassalam.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Penghargaan	i-ii
Isi Kandungan	iii-vi
Abstrak	vii
<i>Abstract</i>	viii
Senarai Rajah	ix
Senarai Jadual	x
Senarai Singkatan	xi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1-2
1.2 Latar Belakang kajian	3-28
1.3 Objektif Kajian	29
1.4 Permasalahan Kajian	30-31
1.5 Persoalan Kajian	32
1.6 Kepentingan Kajian	33-36
1.7 Skop Kajian	37-38
1.8 Lokasi Kajian	39
1.9 Limitasi Kajian	40-41
1.10 Struktur Kajian	42

1.11	Rumusan	43
BAB 2	SOROTAN KESUSASTERAAN	
2.1	Pendahuluan	44-45
2.2	Sorotan Kesusasteraan	46
2.3	Pengurusan	47-53
2.4	Fungsi Pengurusan	54
2.5	Pengurusan Saintifik	55
2.6	Pengurusan Strategik	56-57
2.7	Warisan	58-68
2.8	Pemeliharaan Warisan	69-73
2.9	Pemuliharaan Warisan	74-75
2.10	Kerangka Teori Pengurusan Dan Pemuliharaan Budaya	76-79
2.11	Kerangka Teori Pemuliharaan Warisan	80-88
2.12	Rumusan	83

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	84-88
3.2	Reka Bentuk Kajian	89
3.3	Struktur Kajian	90-91
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	92-93
3.5	Kaedah Kualitatif	94-98
3.6	Data Sekunder	99-100
3.7	Instrument	101-103
3.8	Draf dan Graf	104-112
3.9	Rumusan	113

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	114
4.2	Kaedah Pengumpulan Data	115-116
4.3	Analisa Data	117-118
4.4	Pengurusan	119-120
4.5	Strategi dalam Melestarikan Warisan Budaya Masyarakat Jawa	121-126
4.6	Nilai Sejarah Dan Warisan	127-133
4.7	Pemeliharaan & mempraktikkan warisan yang sedia ada	134-159
4.8	Kesenian Jawa dalam Kesenian Johor	160-161
4.9	Perbincangan isu-isu berkaitan	162-163
4.10	Rumusan	164

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Kesimpulan	165-169
5.2	Cadangan	170-173
5.3	Rumusan	174

RUJUKAN	183-186
----------------	---------

LAMPIRAN	187-197
-----------------	---------

SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
1.2.5 Logo Yayasan Warisan Johor	16
1.2.6 Carta Organisasi Yayasan Warisan Johor	19
1.8 Lokasi Kajian	39
1.10 Struktur Kajian	42
4.5 Strategi Pengurusan Yayasan Warisan Johor	120
4.6 Prinsip 3D Yayasan Warisan Johor	133
4.7 Aktiviti Pembangunan Seni Budaya Yayasan Warisan Johor	138
4.7 Buku Terbitan Yayasan Warisan Johor	142
4.7 Aktiviti Pameran	157

SENARAI JADUAL

SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
3.1 Jadual Penyelidikan	25
3.8.1 Jadual Fungsi Pengurusan	104-105
3.8.2 Jadual Prinsip Pengurusan	107-109
3.8.3 Jadual Fungsi Pemeliharaan	110
3.8.4 Jadual Faktor Pemeliharaan	111
4.3 Jadual profil informan melibatkan diri dalam temu bual	115

SENARAI SINGKATAN

Jadual	Perkara
PKMA	Pusat khidmat maklumat akademik
3D	Digali, Dipulih, Dijaga

ABSTRAK

Kajian ini adalah berkenaan pemeliharaan warisan dan strategi yang digunakan untuk melestarikan warisan budaya masyarakat Jawa di Johor oleh Yayasan Warisan Johor. Dapatan kajian mendapati nilai sejarah, dan warisan yang masih terpelihara melalui kepimpinan Yayasan Warisan Johor adalah hasil dari program dan polisi yang dipraktikkan secara berterusan dengan kerjasama masyarakat Jawa sendiri.

ABSTRACT

This research is about the preservation of heritage and the strategies used to preserve the cultural heritage of society in Johor by the Johor Heritage Foundation. The study found the history and heritage preserved through the leadership of the Johor Heritage Foundation is the result of programs and policies are being practiced continuously in cooperation with society itself.

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan dengan lebih mendalam tentang Melestarikan Warisan dan Budaya Masyarakat Jawa di Johor oleh Yayasan Warisan Johor sejak penubuhan pada tahun 1988 kerana, masyarakat Jawa di Johor pada masa kini adalah entiti terpenting dalam budaya warisan. Masyarakat Jawa pada masa ini juga, lebih tertumpu kepada perkembangan dari segi budaya warisan yang sedia ada.

Pengkaji lebih memberi tumpuan dalam mengkaji konsep-konsep asas kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian serta kepentingan kajian ini untuk dijalankan. Pengkaji juga akan mengkaji tentang warisan budaya masyarakat Jawa untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang sejarah dan perkembangan warisan budaya yang masih kekal diamalkan oleh masyarakat Jawa di Johor. Selain itu, pengkaji juga melihat kemajuan dan pembaharuan yang dibuat oleh Pihak Yayasan Warisan Johor dalam melestarikan warisan dan budaya masyarakat Jawa.

Dalam pengenalan pengkaji menceritakan tentang latar belakang dan tajuk yang dipilih untuk dikaji serta menerangkan tentang pilihan tajuk yang telah dipilih secara terperinci dalam mengkaji tajuk ini. Disamping itu, penyelidikan seperti ini dapat membantu dalam memudahkan lagi para pengkaji mengkaji tentang tajuk dan mencari punca dan masalah serta peraturan tentang sesuatu yang harus di kaji oleh pengkaji. Justeru itu, dengan perancangan yang sedia ada yang telah dibuat dapat memudahkan pengkaji dalam membuat kajian mengikut bab yang telah disusun dan diatur.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

1.2.1 Sejarah dan latar belakang kajian

Negeri Johor yang terletak di selatan Semenanjung Malaysia merupakan salah sebuah negeri yang maju di Malaysia. Sejalan dengan perkembangan ekonomi yang pesat dengan adanya rancangan pembangunan Iskandar Malaysia, negeri Johor dilihat akan menjadi salah sebuah negeri yang termaju di Malaysia. Namun demikian, kemajuan sesebuah negeri itu bergantung kepada hasil sumber tempatan, kedudukan, kestabilan ekonomi dan politik serta lain-lain.

Asal usul perkataan Johor diambil dari perkataan Arab “Jauhar” yang bermaksud “Permata Berharga”. Pengaruh Arab jelas kelihatan di mana para pedagang dari Arab telah datang ke sini bagi menjalankan perniagaan rempah yang sememangnya terkenal pada suatu ketika dahulu. Johor juga dikenali sebagai Hujung Tanah atau “Ganganu” oleh orang-orang Siam yang bermaksud “Batu Permata” (Mohd, 2015).

Pembukaan negeri Johor bermula pada awal kurun ke-16 apabila Melaka telah ditawan oleh Portugis. Sultan Mahmud Syah yang merupakan pewaris terakhir takhta kerajaan Melaka telah melarikan diri dan membuka kerajaan Johor pada waktu itu, Johor telah meluaskan empayanya sehingga ke Riau.

Sejarah negeri Johor bermula di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar. Baginda telah ditabalkan menjadi sultan pada tahun 1866 seterusnya memegang gelaran “Seri Maharaja Johor”. Sultan Abu Bakar telah memperkenalkan Perlembangan Johor seterusnya membawa perubahan dalam pentadbiran negeri Johor yang lebih efisien. Perpindahan pusat pentadbiran kerajaan Johor di Teluk Belanga ke Tanjung Puteri pada tahun 1841 memberi kesan yang positif kepada Johor terutamanya dari segi pembangunan. Pembinaan bangunan kerajaan, balai polis, masjid, mahkamah dan istana besar jelas membuktikan Sultan Abu Bakar berhak menerima gelaran sebagai “Bapa Pembangunan Johor” (Khazim Mohd. Tamrin dan Sukiman Bohari, 1980/81).

Negeri Johor yang disempadan oleh Melaka, Pahang, dan Singapura merupakan sebuah negeri yang pesat membangun dan maju di Malaysia. Sejar dengan perkembangan ekonomi yang pesat, negeri Johor dilihat akan menjadi salah sebuah negeri yang termaju di Malaysia. Namun demikian, kemajuan sesebuah negeri itu bergantung kepada hasil sumber tempatan, kedudukan, kestabilan ekonomi dan politik serta lain-lain. Dalam hal ini, pengekalan, pengukuhan, perkembangan dari sektor ekonomi, politik dan sosial menjadi aset paling penting dalam mengejar impian tersebut. Dalam mengejar impian sebagai sebuah negeri yang berdaya saing dengan adanya aktiviti pembangunan yang pesat, perlu menilai dari aspek pembangunan secara global dan luas supaya pembangunan dapat dimajukan dengan lebih pesat dan jaya. Pembangunan yang mampan dan mantap sesebuah negeri itu sebenarnya bukan sahaja bergantung kepada pembangunan fizikal tetapi juga harus diimbangi dengan pembangunan mental dan spiritual. Dalam mengisi pembangunan secara spiritual, aspek seperti sejarah, budaya, agama, warisan dan seni perlu diberi perhatian yang sama rata.

BATU PAHAT

Nama Batu Pahat dikatakan dari peristiwa memahat batu untuk mendapatkan bekalan air tawar di pantai Minyak Beku yang terletak di Kuala Sungai Batu, Batu Pahat, kerja ini dilakukan oleh angkatan tentera Siam (Orang-orang Muslim Pattani Siam) di bawah pimpinan Awi Dicu dalam abad ke-15 sewaktu hendak menyerang Melaka. Kesan pahatan tersebut masih terdapat sehingga sekarang. Kesan ini dikenali sebagai Perigi Siam atau Perigi Batu Pahat. Pusat bandar bagi daerah Batu Pahat ialah Bandar Penggaram. Nama Penggaram itu dikatakan berasal daripada pangkal jeram', kerana terdapat jeram di sebuah sungai kecil yang mengalir dari bukit belakang bandar tersebut (BASRI, 1972/73, p. 83).

MUAR

Muar lahir daripada perkataan ‘muara’ iaitu Kuala sungai. Ini disebabkan oleh penempatan awal di kawasan tersebut terletak di muara Sungai Muar. Sungai Muar terkenal sejak zaman silam kerana sungainya yang lebar membolehkan para pelayar berlindung di musim gelora. Pelarian Raja Iskandar Syah (Parameswara) dari Singapura setelah dialahkan Majapahit pada awal abad ke-15 menggunakan sungai ini. Demikian pula apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, raja dan para pembesar Melaka melarikan diri melalui Sungai Muar (Dr Rafiuddin Afkari Abdul Fattah D. M., 2013, p. 7).

MERSING

Mersing mendapat nama daripada peristiwa penahanan buang daerah seorang pesuruh Sultan Pahang berbangsa Sikh, kerana melakukan kesalahan yang berat. Penahanan ini berlaku sewaktu Mersing belum mempunyai ramai penduduk. Pekerja tersebut bernama Amer Singh, dan namanya menjadi terkenal di kawasan tersebut sehingga menyebabkan tempat itu dikenali sebagai nama Mersing. Cerita lain yang membawa munculnya nama Mersing ialah dari seorang dara bernama Mersing yang mencintai teruna perantau dari Pahang yang bernama Awang. Oleh kerana Mersing diminati oleh anak penghulu, bapa Mersing memilih anak Penghulu sebagai bakal menantunya.